

29/07/1998

Nilai semula dasar globalisasi Barat: PM

Mahfar Ali in Swakopmund (Namibia)

SWAKOPMUND (Namibia), Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan negara membangun terhadap bahaya pelaksanaan dasar globalisasi yang diasaskan oleh Barat secara tergesa-gesa, tanpa membuat sebarang penilaian semula.

Sebagaimana dasar lain, Perdana Menteri menegaskan, globalisasi juga perlu dikendalikan secara berhati-hati kerana tidak semestinya semua ideologi Barat betul.

"Kita harus ingat, sebelum ini sudah banyak kali ideologi Barat didapati salah. Mereka mungkin melakukan kesilapan lagi, sekurang-kurangnya mengenai tafsiran dan konsep globalisasi," katanya ketika berucap pada hari terakhir Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Said) '98 di sini, malam ini.

Dalam ucapan bertemakan 'Perilaku Pengurusan dan Perkongsian Pintar' itu, Dr Mahathir berkata, globalisasi hendaklah dilihat sebagai satu cara, bukannya matlamat. Dengan kata lain, globalisasi mestilah menghasilkan kehidupan yang lebih baik untuk semua penduduk dunia.

"Sekiranya tidak, maka kita perlu menilainya semula, bukan menjauhinya tetapi menolak apa yang merosakkan dan menegakkan perkara yang baik," katanya.

Ini adalah kali kedua Dr Mahathir menghadiri dialog itu selepas kali pertama menyertainya di Kasane, Botswana, Mei tahun lalu. Forum yang diadakan hasil Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) '95 itu mengetengahkan konsep perkongsian pintar berteraskan falsafah kerjasama 'menang-menang' dan persaingan sihat antara kerajaan, sektor swasta dan pekerja.

Said '98 yang bermula Ahad lalu, diadakan dengan kerjasama Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

Dr Mahathir yang menjadi pemimpin tunggal dari luar Afrika diberi penghormatan menghadiri dialog itu berkata, walaupun Malaysia menyokong globalisasi, dunia harus menerima kenyataan tidak semua negara dan bangsa yang sempadannya hendak dirombak, mempunyai kekuatan dan tahap pembangunan yang sama.

"Mereka perlu dilindungi, sekurang-kurangnya dalam jangka waktu tertentu. Sudah tentu negara kaya dan berkuasa boleh menunggu," katanya sambil memberi contoh, Malaysia tidak mungkin mempunyai industri automobil tanpa mengenakan sebarang peraturan bagi melindungi keluaran tempatan.

Walaupun mengakui globalisasi perlu diterima, Perdana Menteri berkata semua negara mesti dibenarkan membuka sempadan masing-masing dan bersaing dalam pasaran bebas hanya apabila mereka sudah bersedia berbuat demikian.

Sambil menyindir Barat yang cuma mengaitkan globalisasi dengan pergerakan pasaran modal dan perdagangan, Dr Mahathir berkata dunia tanpa sempadan juga sepatutnya membolehkan penduduk melintasi sempadan negara secara bebas.

"Negara kaya, khususnya yang mempunyai banyak kawasan belum diterokai, sepatutnya membenarkan penghijrahan penduduk dari negara miskin.

"Seperti negara kaya mendapat manfaat menerusi pelaburan di negara miskin, penduduk negara miskin juga seharusnya mendapat faedah daripada negara kaya," katanya.

Menurut Perdana Menteri, idea globalisasi memang cukup hebat tetapi dasar itu mesti ditafsirkan dengan betul jika dunia hendak dibawa ke arah lebih baik.

Bagaimanapun kini beliau yakin ia lebih membawa kebaikan kepada negara

membangun.

"Kita sudah melihat bagaimana pasaran modal yang bergerak bebas memusnahkan ekonomi kita dan kita bimbang globalisasi juga akan berlaku seperti pada dasar sosialisme dan komunisme, idea yang dulu disanjung tetapi kemudian terbukti salah.

"Mungkin globalisasi satu hari nanti juga akan menerima nasib yang sama seperti imperialisme, komunisme dan sosialisme," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia sedia mencuba dasar itu mengikut kemampuannya, tetapi pada masa sama mengingatkan Barat kemungkinan globalisasi boleh membawa kerosakan.

Barat juga mesti sedia berbincang dan mendengar rintihan serta pandangan negara membangun dalam melaksanakan dasar globalisasi.

Dr Mahathir juga mengundang ketua kerajaan yang menghadiri dialog itu menyertai LID di Langkawi tahun depan.

(END)